

06/09/2003

PM, TPM anggap cacian Hadi kepada polis melampau

Mohd Azlan Jaafar; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap cacian `syaitan-syaitan membisu' yang dilemparkan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang terhadap polis, sebagai sesuatu yang melampau.

Perdana Menteri berkata, dakwaan Abdul Hadi pada sidang Dewan Undangan Negeri Rabu lalu, mencerminkan sikap pemimpin Pas itu sendiri.

"Tak patut seorang Menteri Besar (membuat cacian sedemikian). Saya rasa, ia hanya akan menyusahkan pihak polis untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan sekiranya mereka terus bersikap tidak senonoh begini.

"Ini bukan kali pertama, dia (Abdul Hadi) cakap sesuatu yang negatif terhadap pihak polis," katanya selepas berakhirnya hari kedua mesyuarat ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), di Cyberview Lodge di sini, semalam.

Rabu lalu, Abdul Hadi mendakwa keengganan polis untuk bekerjasama melaksanakan Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Hudud, Qisas dan Takzir menyebabkan gejala maksiat dan judi berleluasa di negeri itu.

Abdul Hadi berkata, keadaan itu meletakkan polis sebagai `syaitan-syaitan bisu' kerana bersikap mendiamkan diri apabila berhadapan dengan kegiatan mungkar.

Beliau turut mendakwa, kenyataan polis dalam perkara berkenaan sebelum ini seolah-olah cuba melepaskan tangan daripada membantu kerajaan negeri melaksanakan undang-undang syariah di Terengganu.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan bahawa polis tidak melaksanakan undang-undang berkenaan kerana Peguam Negara masih belum menetapkan sebarang keputusan mengenai perkara berkaitan.

Justeru, Abdullah berkata, Undang-Undang Kanun Jenayah masih berkuat kuasa dan ia menjadi tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk memastikan pelaksanaan undang-undang itu mampu membanteras semua bentuk jenayah di setiap negeri.

"Kenyataan Hadi adalah sesuatu yang keterlaluan dan tidak sepatutnya keluar daripada seorang pemimpin. Dia tak ada perasaan timbang rasa langsung dan ternyata, dia tidak pernah mengenang jasa (polis).

"Takkan dia tidak tahu selama ini, polislah yang berusaha gigih membanteras jenayah," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan empat mata bersama 10 anggota IAP di sini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, pasukan polis di Terengganu adalah antara yang terbaik dalam melaksanakan tugas membanteras jenayah.

Ditanya sama ada polis Terengganu boleh mengambil tindakan terhadap Abdul Hadi, beliau berkata: "Itu terserah kepada mereka. Serangan (kata-kata Abdul Hadi) sudah nyata dan tidak perlu buat sebarang siasatan lagi."